

## **PENYATA DEWAN**

### **PERSIDANGAN PERTAMA (PERASMIAN) PENGGAL KETIGA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YANG KE-14 PADA 4 MEI 2020 (ISNIN)**

#### **HADIR:**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Kawasan</b>
1.	YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: YB Dato' Zulkefly Mohamad bin Omar	
2.	MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN: YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Haji Harun	Sikamat
3.	YB Tuan Teo Kok Seong	Bahau
4.	YB Dato' Dr. Mohamad Rafie bin Ab. Malek	Ampangan
5.	YB Dato' Haji Mohamad Taufek bin Abd. Ghani	Paroi
6.	YB Tuan Haji Ismail bin Haji Ahmad	Labu
7.	YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan	Nilai
8.	YB Tuan Haji Bakri bin Sawir	Klawang
9.	YB Tuan Veerapan a/l Superamaniam	Repah
10.	YB Tuan Mohamad Nazaruddin bin Sabtu	Pilah
11.	YB Puan Nicole Tan Lee Koon	Bukit Kepayang
12.	YB Tuan Choo Ken Hwa	Lukut
13.	TIMBALAN YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YB Dato' Ravi a/l Munusamy	Sri Tanjung
14.	YB Tuan Loke Siew Fook	Chennah
15.	YB Tuan Haji Suhaimi bin Kassim	Lenggeng
16.	YB Tuan Yek Diew Ching	Chuah
17.	YB Tuan Gunasekaren a/l Palasamy	Seremban Jaya
18.	YB Tuan Yap Yew Weng	Mambau
19.	YB Tuan Ng Chin Tsai	Temiang
20.	YB Puan Mary Josephine Prittam Singh	Rahang
21.	YB Tuan Chew Seh Yong	Lobak
22.	YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan	Rantau
23.	YB Dato' Seri Dr. Haji Awaludin bin Said	Kota

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Kawasan</b>
24.	YB Dato' Manickam a/l Letchuman	Jeram Padang
25.	YB Dato' Haji Ismail bin Lasim	Juasseh
26.	YB Dato' Haji Shamsulkahar bin Haji Mohd. Deli	Serting
27.	YB Dato' Haji Abd. Samad bin Haji Ibrahim	Seri Menanti
28.	YB Dato' Haji Zaifulbahri bin Idris	Chembong
29.	YB Dato' Haji Tun Hairudin bin Abu Bakar	Bagan Pinang
30.	YB Dato' Abd. Razak bin Ab. Said	Gemas
31.	YB Tuan Mohd. Razi bin Mohd. Ali	Sungai Lui
32.	YB Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd. Redza	Linggi
33.	YB Dato' Mohd. Isam bin Haji Mohd. Isa	Gemencheh
34.	YB Dato' Haji Adnan bin Abu Hassan	Senaling
35.	YB Tuan Haji Mustapha bin Nagoor	Palong
36.	YB Tuan Noor Azmi bin Yusof	Pertang
37.	YB Tuan Haji Saiful Yazan bin Sulaiman	Johol

**HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG  
TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

1. YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(Dato' Dr. Razali bin Ab Malik)
2. YB PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(Tuan Mohd Azhar bin Mohd Yusoff)
3. YB PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(Dato' Mohd. Khidir bin Majid)

**TURUT HADIR**

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN  
(Mohd. Amin bin Ludin)
2. PENOLONG SETIAUSAHA  
(Mohd. Zamri bin Md. Saad)

[Setiausaha Dewan mengumumkan ketibaan YB Yang Dipertua Dewan]

Persidangan dimulakan pada jam 10.05 pagi

## 1. **MEMBACA DOA**

**Setiausaha Dewan:** Persidangan Pertama (Perasmian) Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-14. Susunan mesyuarat. Perkara pertama, Membaca Doa. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Lenggeng.

[YB ADUN Lenggeng telah membacakan doa di bawah Peraturan 9, muka surat 11 di dalam Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri]

## 2. **PERUTUSAN YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN**

**Setiausaha Dewan:** Perkara kedua, Perutusan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT, salam sejahtera. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad SAW. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Aminuddin bin Haji Harun; Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat Kerajaan Negeri, ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan yang dijemput iaitu Ketua Polis Negeri Sembilan, Pengarah Kesihatan Negeri dan Pengarah Majlis Keselamatan Negeri, Negeri Sembilan.

Selamat datang ke Persidangan Pertama (Perasmian) Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Sembilan Yang Ke-14. Persidangan ini bagi mematuhi kehendak Fasal (1) Perkara 56, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959 dan Peraturan IV Perintah 2, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri.

Sepertimana ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, menjunjung titah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, mengambil kira penularan wabak COVID 19 yang sedang melanda negara kita serta pematuhan kepada, atas Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan

Jangkitan) 2020 dan Undang-Undang yang berkaitan dengannya, maka persidangan kali ini akan berlangsung selama satu hari saja, satu hari sahaja khusus untuk Perasmian Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Sembilan Yang Ke-14.

Di samping itu juga, pihak urusetia persidangan telah melaksanakan langkah pencegahan seperti penjarakan sosial 1 meter tempat duduk ahli-ahli Yang Berhormat, difen, disfen, disenfeksi bangunan Dewan Undangan Negeri dan penyediaan *hand sanitizer* serta deklarasi bebas COVID-19 bagi mencegah penularan COVID-19. Tiada jemputan kepada Ketua-Ketua Jabatan yang lain seperti lazimnya kita menjemput, dan serta penglibatan media dan para petugas adalah dalam bilangan yang terhad.

Namun demikian, persidangan ini masih boleh diikuti secara langsung melalui media massa, media sosial iaitu di akaun *Facebook* Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Titah perasmian baginda Tuanku juga akan disiarkan secara langsung oleh radio NEGERI.fm frekuensi 92.6 MHz.

Sebentar lagi kita akan mendengar titah perasmian bagi Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.

Sebelum saya memulakan persidangan, seperti lazimnya ingin saya mengingatkan ahli-ahli Yang Berhormat supaya mematuhi Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan di sepanjang persidangan kita kali ini. Dan saya mohon kerjasama supaya perjalanan persidangan ini dapat berjalan baik dan lancar.

Selamat bersidang. Wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum WBT.

### 3. **PERINGATAN MESYUARAT**

**Setiausaha Dewan:** Perkara ketiga, Mengesahkan Peringatan Mesyuarat. Mengesahkan Peringatan Mesyuarat Kali Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan yang Ke-14 yang telah diadakan pada 22, 25, 26 dan 27 November 2019.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Peringatan Mesyuarat Kali Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua, dewan, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan pada, Yang Ke-14 yang telah diadakan pada 25, 22, 25, 26 dan 27 November 2019 telah pun diedarkan salinannya.

Oleh itu ada apa-apa teguran? Ada apa-apa teguran? Sekiranya tiada, diharapkan seorang ahli mencadangkan dan seorang ahli menyokong supaya disahkan.

**YAB ADUN Sikamat:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon izin mencadangkan supaya Peringatan Mesyuarat tersebut disahkan.

**YB ADUN Bahau:** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan tersebut.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju Peringatan Mesyuarat ini disahkan, sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Berkecuali? Okay, kita terima.

[Keputusan undian: 23 ahli Yang Berhormat bersetuju, 13 ahli Yang Berhormat tidak mengundi]

**[Peringatan Mesyuarat Kali Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan yang Ke-14 yang telah diadakan pada 22, 25, 26 dan 27 November 2019 disahkan tanpa pindaan dan YB Yang Dipertua Dewan menandatangani Peringatan Mesyuarat tersebut.]**

#### 4. TITAH UCAPAN DIRAJA

**Setiausaha Dewan:** Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus.

**YB Yang Dipertua Dewan:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebentar lagi Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan akan menyampaikan Titah baginda dalam Dewan yang mulia ini. Dan sekarang Dewan ditangguhkan sebentar untuk keberangkatan tiba Ke Bawah Duli Tuanku.

[YB Yang Dipertua Dewan meninggalkan Galeri Persidangan]

[Setiausaha Dewan mengumumkan ketibaan YTM Tunku Besar Tampin]

[Setiausaha Dewan mengumumkan ketibaan Undang Luak Rembau]

[Setiausaha Dewan mengumumkan ketibaan YTM Undang Luak Johol]

[Setiausaha Dewan mengumumkan ketibaan YTM Undang Luak Jelebu]

[Setiausaha Dewan mengumumkan keberangkatan DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan diiringi oleh YB Yang Dipertua Dewan]

**YB Yang Dipertua Dewan:** Mengadap Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, ampun Tuanku, Patik memohon perkenan Ke Bawah Duli Tuanku untuk melafazkan Titah kepada sidang hadirin di dalam Dewan yang mulia ini. Mohon perkenan Tuanku.

[YAB ADUN Sikamat menyembahkan Teks Titah Ucapan DiRaja kepada DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan]

[DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan menyampaikan Titah baginda]

[Titah Perasmian DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan seperti di Lampiran A]

[YAB ADUN Sikamat mengambil semula Teks Titah Ucapan]

## 5. **PENANGGUHAN MESYUARAT**

**YB Yang Dipertua Dewan:** Menjunjung kasih Tuanku. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebentar lagi saya akan menangguhkan Dewan. Sebelum saya menangguhkan persidangan kali ini, saya ingin memaklumkan bahawa perbasan, perba, perbahasan Titah Ucapan Diraja akan dibawa dalam persidangan yang akan datang.

Saya juga dengan ini menetapkan bahawa, semua pertanyaan yang telah diberitahu akan dijawab oleh pihak kerajaan tertakluk kepada Peraturan XIV dan semua pertanyaan lisan akan dijawab secara bertulis selaras dengan Peraturan XV. Setiausaha Dewan akan memaklumkan perkara ini melalui notis pemberitahuan yang akan diedarkan kemudian.

Saya juga mengambil kesempatan ini merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus menyempurnakan persidangan kita pada kali ini. Dengan ini, saya menangguhkan Persidangan Dewan kali ini ke suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.

Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Keberangkatan Yang Teramat Mulia Undang Yang Empat serta Yang Teramat Mulia Tunku Besar Tampin meninggalkan Dewan.

[Bentara Dewan menanggung Cokmar mendahului DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan]

[YTM Undang Yang Empat serta YTM Tunku Besar Tampin meninggalkan Dewan]

[YB Yang Dipertua Dewan meninggalkan Galeri Persidangan]

**Persidangan Dewan Undangan Negeri ditangguhkan pada jam 10.31 pagi.**